

26 JUN 2001

Ah Lek-MCA

AH LEK MAHU MCA BERSATU SEMULA, SERU LING MEMULAKAN LANGKAH

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata beliau bersetuju dengan seruan Perdana Menteri supaya anggota-anggota MCA bersatu semula tetapi mencadangkan presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengambil langkah pertama dalam menyatukan parti.

"Perlu ada keikhlasan pada pihak Ling untuk bersatu," kata Lim kepada BERNAMA apabila ditanya siapa yang harus mengambil langkah pertama untuk menyatukan parti.

Lim berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyeru anggota-anggota MCA untuk bersatu semula memandangkan isu berhubung pembelian Nanyang Press Holdings Bhd oleh sayap pelaburan parti itu Huaren Holdings Sdn Bhd, telahpun selesai.

Bekas Menteri Sumber Manusia itu berkata: "Jika ada apa-apa usaha, ia harus dilakukan demi kepentingan parti, masyarakat dan negara...mesti ada keikhlasan."

Pembelian Nanyang menjadi kontroversi apabila ada pihak dalam MCA dan pergerakan-pergerakan Cina yang tidak setuju dengan pembelian itu.

Lim bersama dua naib presiden MCA iaitu Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy paling lantang dalam mengkritik pembelian itu dan merupakan antara lapan anggota Jawatankuasa Pusat (CC) yang mengundi menentang pembelian itu dalam mesyuarat jawatankuasa itu pada bulan lepas.

Baki 32 anggota jawatankuasa pusat mengundi memihak pembelian itu.

Nanyang Press Holdings menerbitkan akhbar bahasa Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press.

Kumpulan yang membantah dalam MCA itu kemudian meneruskan dengan 'roadshow' untuk menjelaskan kepada anggota-anggota parti akan implikasi daripada pembelian itu, yang memburukkan lagi perpecahan dalam parti.

Isu itu dianggap selesai Ahad lepas di mesyuarat agung luar biasa MCA (EGM) apabila sejumlah 1,176 daripada 2,216 perwakilan yang hadir mengundi memihak kepada pembelian itu dengan 1,019 membantahnya. Terdapat 12 undi rosak dan sembilan berkecuali.

Lim berkata beliau sentiasa percaya kepada perpaduan parti. "Saya sering menyatakan ini."

Beliau berkata selepas keputusan Ahad lepas, beliau menyeru anggota parti untuk bersatu. Bagaimanapun, beliau menekankan sebarang usaha oleh kepimpinan parti untuk menyatukan semula anggota "mesti relevan di mata orang Cina."

Lim berkata, isu itu adalah "lebih kepada perbezaan pendapat" dan bukan yang lain.

"Kita sedang menangani isu khusus (pembelian Nanyang). Oleh kerana para perwakilan telah membuat keputusan, kita harus menghormati keputusan mereka," katanya.

Sementara mengucapkan tahniah kepada "mereka yang telah menang" dan terima kasih kepada mereka yang menyokongnya (dalam membantah pembelian itu), Timbalan Presiden MCA itu berkata apa yang penting sekarang ialah anggota parti bekerjasama supaya masyarakat Cina terus menyokong MCA.

"Kita perlu bersatu dan bekerjasama demi kepentingan masyarakat Cina memandangkan pilihan raya umum akan datang tidak lama lagi. Kita memerlukan sokongan masyarakat Cina," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir yang Dr Ling tidak akan membalas dendam terhadap mereka yang tidak menyokongnya berhubung pembelian Nanyang, Lim berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri berhubung kenyataan

itu.

"Apa-apa tindakan yang bukan demi kepentingan parti (atau) apa-apa tindakan presiden parti (terhadap mereka yang menentang urusan itu) sudah pasti akan membawa perpecahan (dalam parti), katanya.

Lim berkata, parti tidak mampu melalui apa-apa kontroversi lagi.

"Kita berdepan dengan banyak masalah dalam MCA (sekarang) dan (isu) Nanyang sebenarnya boleh dielakan," katanya.

Lim berkata ada yang akan atau telah menyalahkan beliau kerana masalah dalam MCA.

Menekankan yang ini adalah tidak benar, Lim berkata ada kalanya tuduhan dibuat terhadap beliau dan beliau perlu mempertahankan kewibawaannya.

"Saya tidak memulakan semua itu. Ada kalanya saya dipersalahkan terhadap perkara-perkara yang saya tidak lakukan, jadi saya terpaksa melindungi kewibawaan saya dengan menyatakan hal sebenar. Apa yang benar biasanya menyakitkan.

-- BERNAMA

ES ES PR